

## *Maqasid* Memelihara Akal (*Hifz al- 'Aql*) dan Hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

The *Maqasid* of Protecting Mind (*Hifz al- 'Aql*) and Its Connection with National Education Philosophy

HASBOLLAH MAT SAAD  
RAMALINGGAM RAJAMANICKAM

### ABSTRAK

*Dewasa ini, isu berkenaan dengan pemakaian Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) dalam pembentukan modal insan semakin menjadi topik perbincangan yang hangat diperkatakan oleh masyarakat umum. Perkara-perkara yang berkaitan dengan Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) ini bukanlah suatu perkara yang asing lagi bagi masyarakat di Malaysia. Sebagai langkah proaktif dalam mendepani isu ini, satu sudut pandangan yang positif perlu dilihat dalam hubungannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana ia merupakan kerangka utama dalam pembentukan modal insan yang holistik dan berdaya saing di peringkat global. Objektif utama artikel ini adalah untuk meneliti konsep Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql), konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan, serta pengaplikasian konsep-konsep tersebut dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kaedah kajian secara konseptual dan kualitatif digunakan dalam menjalankan kajian bagi artikel ini. Artikel ini meliputi kajian yang komprehensif terhadap dua teras utama ini untuk mengenal pasti sejauh manakah pengharmonian konsep Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dilaksanakan bagi memperkasakan dan merealisasikan generasi yang berketrampilan pada masa yang akan datang. Artikel ini juga menilai tahap aplikasi dan pengaruh konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta kesan pembaharuan pendidikan yang berteraskan prinsip-prinsip Islam dalam sistem pendidikan di Malaysia. Skop perbincangan artikel ini juga akan meliputi kajian terhadap pemakaian elemen-elemen Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Perkembangan ini juga akan membuka lebih banyak ruang untuk meningkatkan serta melaksanakan penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia.*

*Kata kunci: Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql); Falsafah Pendidikan Kebangsaan; harmonisasi; sistem pendidikan Malaysia; modal insan*

### ABSTRACT

*Recently, the discussions on the application of Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) in transforming and developing better human capital have been regarded as an important issue towards the society. For Malaysians, it is not a secluded issue anymore. As proactive steps, a positive action should be taken in blending the application of Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) with the National Education Philosophy, as it is a major framework in the formation of holistic and competitive human capital globally. The main objective of this paper's study is to examine the concept of the Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql), the scope of the National Education Philosophy, as well as the application of these concepts and scope in the educational system in Malaysia. The conceptual and qualitative methodologies of study shall be used in conducting a study on this paper. It will also cover comprehensive studies on these two main thrusts to identify the extent of the harmonization process in empowering and enhancing the future generation. It will also review the level of the application and influence towards the National Education Philosophy and the impact of education reforms based on the Islamic principles in Malaysia. In conclusion, it can be asserted that the concept of the Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql) has become among the main and important pulses in shaping, empowering and enhancing the development of the educational system in Malaysia.*

*Keywords: Maqasid as-Syariah (Hifz al- 'Aql); National Education Philosophy; harmonization; Malaysian educational system; human capital*

## PENGENALAN

Perbincangan tentang pemakaian konsep *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dalam pendidikan negara semakin menjadi perbualan hangat yang dibincangkan pada masa ini. Istilah *Maqasid as-Syariah* itu sendiri bukanlah perkataan yang asing lagi bagi kebanyakan golongan masyarakat di Malaysia. Istilah ini merupakan asas pertimbangan dan kayu ukur yang sangat penting dalam melaksanakan apa-apa tindakan yang berlandaskan tujuan dan objektif yang hendak dicapai oleh pihak-pihak yang tertentu dalam menentukan hala tuju sesuatu perkara tersebut mengikut landasan serta prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Asas yang penting ini menjadi penanda aras utama dalam pengaplikasian apa-apa bentuk strategi yang sesuai dalam memastikan kejayaan dapat dicapai secara tuntas.

Bidang pendidikan yang menjadi elemen yang terpenting dalam membangunkan modal insan sesebuah negara perlu dirancang secara sistematik agar dapat membentuk asas sesebuah negara yang mantap dari sudut percambahan serta pengiktirafan pemikiran yang kreatif dan berdayasaing di peringkat nasional dan global. Pendidikan juga merupakan elemen penting dalam membentuk modal insan yang berperanan menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan (Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Hj. Othman & Mohd. Kasri Saidon 2020). Perkembangan yang positif ini adalah selaras dengan keperluan dan cabaran semasa yang memerlukan satu sistem dan hala tuju yang mantap bagi memastikan ia dapat memberikan impak yang terbaik dalam perkembangan pembangunan modal insan sesebuah negara tersebut.

Apabila *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* ini dapat diaplikasikan secara efektif, maka Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan dapat dimartabatkan dan menjadi platform utama dalam meletakkan hala tuju pendidikan yang berasaskan konsep pendidikan yang holistik. Oleh itu, prinsip-prinsip asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan dapat dihayati, dibentuk dan diterima pakai secara terancang agar matlamat mewujudkan modal insan yang dapat menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju akan dapat dicapai secara lebih baik dari sudut pembangunan fizikal dan kerohanian.

## KONSEP AL-'AQL DAN HUBUNG KAITNYA DENGAN ILMU

Islam amat menekankan tentang bagaimana manusia harus menggunakan akal dalam meneruskan kelangsungan hidup di dunia ini. Segala tindak-tanduk manusia hendaklah dipandu oleh akal yang dinaungi oleh al-Quran dan as-Sunnah Rasul-Nya agar amalan mereka tidak tersasar dari jalan yang benar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah al-'Alaq, ayat 1, yang bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan (menyebut) nama Rabbmu yang menciptakan (sekalian makhluk).”

Surah al-'Alaq mempunyai hubungan dengan adab ketika melakukan penyelidikan iaitu ikhlas hanya kerana Allah *subhanahu wata'ala* (Al-Alusi 1994). Penyelidikan yang dilakukan kerana Allah *subhanahu wata'ala* akan menjadikan akal yang cerdas dan mampu untuk memahami kuasa dan kehebatan Allah *subhanahu wata'ala*. Tanggungjawab menjaga minda termasuk dalam objektif yang ditentukan (*Maqasid as-Syariah*) yang dihukum bagi mereka sengaja melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan akal. Oleh hal yang demikian, akal manusia hendaklah “dibebaskan” agar ia dapat “meneroka ke dimensi” yang lebih luas and terbuka agar potensi akalnya dapat diperkembangkan secara yang lebih efektif. Namun demikian, kebebasan tersebut bukanlah satu kebebasan yang bersifat mutlak tanpa sebarang batasan.

Perintah membaca yang disebutkan dalam Surah al-'Alaq tersebut merupakan satu perbuatan yang merangkumi elemen-elemen penting dalam pendidikan iaitu menjalankan kajian, analisis, berfikir melangkaui paradigma kebiasaan bagi memberi nilai tambah kepada pembangunan masyarakat secara umumnya (Robiatul Adawiyah 2020). Allah *subhanahu wata'ala* juga memerintahkan supaya membaca dengan nama-Nya bagi mengaitkan antara ilmu pengetahuan dengan-Nya agar manusia tidak tersasar dari jalan yang benar berpandukan wahyu-Nya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 164, yang bermaksud:

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada

manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.”

Dalam Shahih Tafsir Ibnu Katsir (Syaiikh Shafiyyurrahman al-Mubarakfuri 2006) ada dinyatakan bahawa manusia haruslah berfikir tentang setiap perkara yang dijadikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* di muka bumi ini agar ia dapat dimanfaatkan untuk kepentingan mereka juga. Dalam hal yang demikian, manusia hendaklah menggunakan akal fikiran bagi mencerap serta menganalisis setiap perkara tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa Allah *subhanahu wata'ala* sangat mementingkan unsur berfikir dalam memacu ketamadunan yang mantap pada masa yang akan datang.

Konsep ilmu terangkum dalam segala bentuk pengetahuan tentang hal-hal yang berkaitan dengan keduniaan, akhirat, pengkajian yang dijalankan oleh mana-mana individu atau kumpulan, sama ada yang tersurat atau tersirat, yang menjurus kepada perkembangan penaakulan bagi membentuk tamadun manusia (Muhammad Atiullah Othman & Indriaty Ismail 2016). Ilmu tersebut juga hendaklah diperoleh melalui kesedaran akala tau penaakulan yang sempurna agar ia dapat menjustifikasikan kepentingannya bagi membentuk masyarakat berpengetahuan (Muhammad Atiullah Othman & Indriaty Ismail 2016).

Definisi perkataan *al-'aql* juga terangkum dalam empat perkara seperti yang berikut (Abu Hamid Muhammad bin Muhammad 2005):

1. *Al-'aql* adalah platform untuk menerima pengetahuan saintifik (*nazariyah*);
2. *Al-'aql* adalah pengetahuan yang terbina dalam diri manusia, yang dapat membezakan antara yang benar dengan yang salah;
3. *Al-'aql* adalah pengetahuan yang diperoleh melalui pelbagai pengalaman hidup; dan
4. *Al-'aql* adalah kekuatan dari terbina sejak dari mula manusia dilahirkan hingga mencapai keadaan yang dapat mengetahui akibat dari setiap tindakan. Oleh hal yang demikian, ia dapat menghalang serta mengawal nafsu, keinginan dan kegembiraan jangka pendek.

Domain *al-'aql* mempunyai dua makna (Said Hawwa 1979), iaitu seperti yang berikut:

1. *Al-'aql* sebagai elemen yang sedar hakikat bahawa untuk menjadi ungkapan sifat pengetahuan bahawa tempatnya berada di hati (*al-qalb*); dan
2. *Al-'aql* sebagai pengetahuan untuk dapat mengetahui pelbagai ilmu pengetahuan melalui *al-qalb al-latifah* (pengetahuan tentang sifat perkara dan mengetahui serta memahami hakikat sains atau pengetahuan yang ada atau berlaku di hati).

Pengkategorian domain *al-'aql* pula boleh dirangkumkan dalam dua istilah (Said Hawwa 1979), iaitu:

1. *Al-'aql al-taklifi* (hak dan tanggungjawab yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada setiap manusia dan mereka akan dipertanggungjawabkan atas apa yang telah mereka lakukan sepanjang kehidupan mereka di dunia ini); dan
2. *Al-'aql al-shar'i* (kemampuan seseorang untuk mengawal nafsu untuk mentaati Allah *subhanahu wata'ala*, kefahaman dan oatuh kepada segala titah perintah-Nya).

Domain *al-'aql* adalah minda (akal) yang dapat mengkaji, meneliti pelbagai isu dan peristiwa, mengambil pelajaran dari masalah tertentu serta membuat kesimpulan dari masalah tertentu (Elmi & Zainab 2015). Kemampuan domain *al-'aql* inilah yang menyebabkan manusia diamanahkan dengan tugas melaksanakan amalan agama dan tugas-tugas yang lain sesuai dengan keperluan kehidupan mereka (Najati 1992).

Al-Quran menyeru manusia agar memahami setiap perkara dan kejadian yang wujud di muka bumi ini berdasarkan ilmu pengetahuan dan akal sebelum mereka dapat mengeluarkan apa-apa pendapat tentang sesuatu perkara (Afzalur Rahman 2002). Allah *subhanahu wata'ala* menyuruh manusia agar berfikir melalui pemerhatian, pengkajian dan penganalisisan tentang tanda-tanda kebesaran-Nya dengan teliti dalam segenap perkara. Melalui pemerhatian dan pemahaman tersebut lahir konsep *ijma'*, *ijtihad* dan *syura*, yang menjadi antara sumber perundangan dan teras dalam prinsip-prinsip perundangan Islam (Adibah Abdul Rahim & Anita Abdul Rahim 2014).

Hal yang demikian menunjukkan bahawa *al-aql* ini mempunyai kaitan yang rapat dengan hati, mata, telinga serta mata sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah al-'Araf, ayat 179, yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”

Ilmu memainkan peranan yang amat penting dalam menajamkan akal untuk memikirkan sesuatu perkara bagi dimanfaatkan kepada seluruh umat manusia (Sheikh Ahmad Fahmi Zamzam 2013). Dalam hadith Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* ada disebutkan bahawa:

“Daripada Abdullah Bin 'Amar Bin 'Ash r.a; beliau berkata, telah bersabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*: Hakikat ilmu itu mengandungi tiga perkara, maka yang lain daripadanya ialah sesuatu yang tidak ada faedahnya. Pertama, ayat yang jelas. Kedua, as-Sunnah Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* yang ditegakkan (diamalkan). Ketiga, kewajipan yang adil.” (Hadith riwayat Abu Dawud)

Intipati daripada hadith tersebut menunjukkan bahawa setiap perkara yang disampaikan kepada umat manusia hendaklah berbentuk ilmu yang jelas agar tiada kekeliruan yang berlaku. Islam menegaskan secara jelas tentang disiplin ilmu yang disampaikan juga hendaklah didasarkan kepada perkara yang benar dan adil agar manusia dapat mengambil pengajaran daripadanya. Bagi mencapai dua elemen tersebut, ilmu hendaklah dicerakinkan daripada sumber yang jelas dan diperakui kebenarannya, iaitu al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam*.

Maka, jelaslah bahawa proses pengajaran dan pembelajaran merupakan asas yang penting bagi memastikan ilmu yang diperolehi dan disampaikan tersebut adalah telus, tulen dan sah. Sesuatu ilmu yang telah dipelajari tersebut hendaklah disampaikan kepada masyarakat umum agar manfaatnya dapat diperluaskan lagi ke ruang yang lebih luas. Dalam masa yang sama, Islam juga menekankan tentang amalan atau bagaimana ilmu yang telah dipelajari tersebut diaplikasikan dalam kehidupan seharian kita. Oleh hal yang demikian, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* melarang umat Islam daripada perbuatan menyembunyikan ilmu (Sheikh

Ahmad Fahmi 2013), sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah r.a.: beliau berkata, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: Siapa ditanya tentang suatu ilmu lalu dia menyembunyikannya, maka kelak dia akan dikekang pada hari kiamat nanti dengan kekangan daripada api neraka.” (Hadith riwayat Abu Dawud & at-Tirmidzi)

Penegasan tersebut dinyatakan sedemikian kerana apabila ilmu tersebut disampaikan secara telus dan benar, maka akal yang telah dikurniakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada manusia akan dapat memandu manusia ke jalan yang benar. Peranan ilmu dalam menajamkan akal adalah amat penting sehinggakan terdapat larangan yang jelas tentang hal yang berkaitan menyembunyikan ilmu daripada pengetahuan orang lain. Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan dalam hadith tersebut ialah ilmu yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah.

#### SKOP DAN KONSEP MAQASID AS-SYARIAH (*HIFZ AL'AQL*) DALAM SISTEM PENDIDIKAN

Perkataan *Maqasid as-Syariah* merupakan perkataan bahasa Arab diambil daripada kata kerja *qasada* yang bermaksud: punca, pegangan, sasaran, keadilan, kelurusan dan kesederhanaan yang membawa maksud objektif yang berasaskan fakta atau perkara yang sahih atau benar (MAIS 2019). Perkataan *syariah* pula berasal daripada perkataan *syara'a* yang bermaksud punca atau tempat air diperolehi secara terus-menerus dan ia terus mengalir. Perkataan ini juga bermaksud menerangkan, menjelaskan dan menunjukkan jalan atau memulai sesuatu pekerjaan (MAIS 2019). Dari segi istilah, *Maqasid as-Syariah* merangkumi keseluruhan perkara yang meliputi kehidupan manusia yang diturunkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada setiap individu melalui Rasulullah, Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*.

Secara umumnya, ulama *Usul al-Fiqh* menyatakan bahawa *Maqasid as-Syariah* merangkumi maksud dan tujuan atau apa-apa perkara yang digariskan oleh Islam dalam mensyariatkan sesuatu hukum untuk memastikan kemaslahatan umat manusia terjamin (MAIS 2019). Seterusnya, *Maqasid as-Syariah* juga mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin kemaslahatan dan menolak keburukan. Pertimbangan yang menjadi kayu pengukur ini

semestinya berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan as-Sunnah yang menjadi asas bagi memastikan ia berada dalam kerangka *syariat* (MAIS 2019). Dalam al-Quran, Surah al-Anbiya', ayat 107, Allah *subhanahu wata'ala* berfirman yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”

Menurut Abdur-Rahman Nasir as-Sa'di (As-Sa'di 2018), ayat ini menegaskan bahawa dengan mematuhi dan mensyukuri nikmat yang Allah *subhanahu wata'ala* kurniakan kepada umat manusia (al-Quran dan Rasul-Nya), maka Allah *subhanahu wata'ala* akan membalas dengan kebaikan yang banyak kepada mereka dan begitu jugalah berlaku sebaliknya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 185, yang bermaksud:

“... (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran ...”

Shahih Tafsir Ibnu Katsir menyebutkan bahawa dalam menyampaikan sesuatu perkara atau maklumat, maka permudahkanlah agar manusia dapat menerima maklumat tersebut dengan pemahaman yang baik (Ibnu Katsir 2006). Keadaan ini dapat diaplikasikan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan agar diterangkan semua maklumat yang hendak disampaikan tersebut dengan menggunakan kaedah-kaedah penerangan yang mudah dan jelas agar ilmu pengetahuan yang bakal disampaikan tersebut dapat difahami dengan mudah tanpa wujudnya penafsiran yang salah. Seterusnya, firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah al-Hajj, ayat 78, yang bermaksud:

“... dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara ugama ...”

Dalam ayat di atas, Allah *subhanahu wata'ala* tidak memberikan kesukaran; sebaliknya Dia menjadikannya tiap-tiap sesuatu dalam kehidupan manusia ini sangat mudah untuk difahami. Prinsip penting berdasarkan ayat ini, iaitu jika terdapat perintah yang terlalu sukar, ia menjadi penyebab para ulama bagi mengkaji perkara itu dan mengeluarkan fatwa untuk mempermudahnya, dan keperluan menjadikan perkara yang dilarang dibolehkan (As-Sa'di 2018).

Dengan melihat pada ketiga-tiga ayat al-Quran yang dinyatakan di atas, jelas sekali menunjukkan bahawa Allah *subhanahu wata'ala* telah meletakkan manusia dalam satu zon yang mudah dan selesa untuk menunaikan segala kewajipan yang telah ditetapkan dalam Islam. Segala bentuk permasalahan yang timbul dalam masyarakat dapat diselesaikan apabila manusia kembali merujuk ketetapan al-Quran dan as-Sunnah Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*. Daripada “roh” dan semangat inilah datangnya *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dalam memastikan sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan tersebut adalah teratur dan boleh mencapai matlamatnya sebagaimana yang digariskan oleh pihak yang berkenaan.

Allah *subhanahu wata'ala* memberikan keluasan untuk manusia berfikir tentang bagaimana mengatur kehidupan mereka secara terancang dan tersusun. Oleh itulah, al-Quran menyeru manusia agar melihat, mendengar, memerhati, merenung, memikir, mengkaji, mengambil iktibar, menilai dan membuat keputusan yang sebaik-baiknya dalam menentukan arah tuju kehidupan mereka di dunia ini (Zainorah Kadri 2015). Manusia ini dimuliakan dengan dikurniakan akal supaya mereka dapat berfikir bagaimana untuk mentadbir kehidupan ini dalam keadaan yang tersusun atur (Hidayat 2000).

Bagi memastikan kesinambungan tersebut, Islam juga amat menitikberatkan penjagaan akal setiap manusia. Kesempurnaan kehidupan seseorang manusia hanya dapat dicapai dengan penggunaan akal yang tidak bertentangan dengan *syariat* yang telah ditentukan oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Oleh hal yang demikian, penjagaan akal (*Hifz al-'Aql*) merupakan salah satu elemen penting dalam perkara yang berkaitan dengan *Maqasid as-Syariah*. Istilah *al-'aql* berasal daripada kata kerja *'aqala - ya'qilu* yang bermaksud sebab, rasional, intelek atau kecerdasan (Yusuf Dalhat 2015).

*Maqasid as-Syariah* boleh ditafsirkan sebagai pengharmonian antara dalil *'aqli* (rasional) dengan dalil *naqli* (dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam*) dengan mengelakkan pendekatan tekstual secara harfiah dalam mentafsirkan wahyu Allah *subhanahu wata'ala* (Maszlee, 2015: 1). Ibrahim al-Nakha'i menyebutkan bahawa sesungguhnya, hukum Allah *subhanahu wata'ala* mempunyai tujuan khusus mereka sendiri yang tercermin sebagai manfaat dan kebijaksanaan atas manusia (Hammadi 1992).

Dengan pengertian yang sama, al-Izz bin Abdul Salam turut menyebutkan bahawa yang paling utama daripada semua tujuan penurunan al-Quran adalah untuk memberikan satu ruang kemudahan (*masalih*) dan konsep menjaga kepentingan-kepentingan tersebut serta kesedaran manfaat yang juga termasuk pencegahan terhadap terjadinya apa-apa kemudaratan (Abdul Salam, al-Izz t.t). Ia dapat difahami daripada firman-Nya bahawa semua kewajipan Syariah didasarkan pada mendapatkan faedah bagi manusia di dunia dan kehidupan selepasnya, dan menjadi tugas umat Islam untuk mengenal pasti faedah-faedah tersebut dengan memerhatikan tujuan-tujuan dalam kehidupan manusia dan semasa menjalankan pelaksanaan tugas tersebut (Hammadi 1992). Objektif-objektif tersebut kemudiannya dijelaskan oleh al-Ghazali yang menyatakan bahawa *Maqasid as-Syariah* bertujuan untuk memelihara atau melindungi *masalih* (*maslahah*), dicontohkan oleh lima keperluan utama manusia: iman (*din*), kehidupan (*nafs*), intelektual (*'aql*), harta (*mal*) dan keturunan (*nasl*) (Maszlee Malik 2015).

Konsep *Maqasid as-Syariah* (*Hifz al-'Aql*) adalah untuk mencegah kerosakan daripada menimpa minda orang kerana kerosakan yang menimpa minda orang membawa rasuah yang besar, dalam bentuk kehilangan kendali atas tindakan mereka (Mohamed El-Tahir 2018). Minda inilah yang membentuk kesempurnaan ilmu yang menjadi tonggak kemajuan sesebuah negara. Tanpa ilmu yang benar, maka negara tersebut bakal mengalami kemerosotan dan kehancuran yang sukar untuk diperbaiki dan diperbetul pada masa yang akan datang. Oleh hal yang demikian, Islam amat menitikberatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pemeliharaan *Maqasid as-Syariah* (*Hifz al-'Aql*), terutamanya bidang pendidikan, agar kesinambungan tamadun sesebuah negara dapat dipertahankan serta dipelihara secara tersusun.

Imam al-Ghazali (Abu Hammid al-Ghazali 1870) secara jelasnya berpendapat bahawa:

“*Maslahah* (kepentingan umum) adalah perlindungan dari tujuan syariah yang terdiri dari lima nilai: pemeliharaan agama, kehidupan, akal, keturunan dan kekayaan. Apa yang menjamin perlindungan dari lima nilai ini adalah *maslahah* (kepentingan umum), dan apa sahaja yang menyebabkannya hilang adalah dianggap *mafsadah* (kerosakan), dan pencegahan serta penghapusannya adalah *maslahah*.”

Wacana pengembangan berasaskan *maqasid* dapat dimanfaatkan menjadi tiga perkara yang berbeza; struktur politik-pentadbiran, budaya

pengetahuan Muslim dan umat Islam secara umumnya (Fuad Mukarram Munawwar Ali 2006). Keadaan ini menunjukkan bahawa umat Islam hendaklah memainkan peranan yang penting dalam mempertingkatkan kemajuan melalui budaya ilmu yang berteraskan konsep *Hifz al-'Aql* kerana hanya dengan memastikan akal yang sempurna dan terpandu dengan dalil-dalil yang sahih sahajalah ilmu pengetahuan tersebut akan dapat dimanfaatkan kepada seluruh umat manusia. Matlamat *Syariah* ialah untuk membangun, memelihara kepentingan manusia dan memastikan kesinambungan undang-undang Islam itu dapat dijadikan sebagai garis panduan, prinsip, nilai dan cara yang diperlukan bagi pencapaian kesejahteraan kehidupan manusia sejagat. Islam juga membimbing pembangunan manusia pada landasan yang betul dalam menangani semua dimensi pembangunan manusia secara holistik. Oleh hal yang demikian, penjagaan akal merupakan aspek yang penting dalam mencapai matlamat tersebut.

Terdapat empat aspek utama dalam mempertingkatkan sistem pendidikan menurut Islam (Awang & Bakar 2004), iaitu:

1. Pembangunan jasmani atau tubuh badan yang sihat. Terdapat satu ungkapan Arab yang berbunyi “*al-'aqlu al-salim fi jismi al-sali*” (Latin: *men sana in corpore sano*), yang bermaksud “Akal yang sihat dari tubuh yang sihat” (Syafi'i 2010; Noorumaina 2015);
2. Pembangunan emosi, iaitu emosi yang stabil;
3. Pembangunan rohani, iaitu membangunkan hubungan yang baik antara manusia dengan Allah *subhanahu wata'ala* dan juga hubungan yang baik sesama manusia; dan
4. Pembangunan intelek yang merujuk individu yang memiliki kecerdikan, kewarasan dan kecerdasan akal serta mempunyai wawasan dan proaktif dalam menjadi seorang insan yang berdaya saing serta berketrampilan. Islam amat menitikberatkan serta menggalakan insan supaya berfikir secara baik. Oleh hal yang demikian, ulama telah menyatakan bahawa peranan *ijtihad* adalah amat penting untuk diguna pakai sebagai salah satu daripada sumber hukum Islam (Muhammad Adil Khan 2016).

Keempat-empat perkara yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa prinsip Islam yang jelas, iaitu kepentingan *maslahah* individu dan masyarakat yang perlu dijaga dan dipertahankan dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang menghormati antara satu sama lain (Mohamed El-Tahir 2018). Dengan

wujudnya situasi yang harmoni ini, konsep *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* akan dapat diamalkan secara yang lebih baik dalam membangunkan generasi yang berilmu pengetahuan.

Bagi menguatkan lagi pemakaian *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dalam memperkembang ilmu, Ibnu Ashur menegaskan bahawa konsep “menyadari atau menyantuni kebaikan dan mencegah kejahatan” (Arab: *tahsil al-masalih wa ijtinab al-mafasid*) ialah perkara yang perlu diberikan perhatian dan digunakan secara yang lebih komprehensif (Ibnu Ashur 2006). Hal sedemikian bertepatan dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 2, yang bermaksud:

“... Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

Dalam ayat di atas, perintah untuk menolong satu sama lain dalam melakukan amal soleh dan baik (*birr*), dan untuk menghindari dosa-dosa merupakan satu kewajiban yang telah ditetapkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada setiap hamba-hamba-Nya yang beriman. Allah *subhanahu wata'ala* juga melarang hamba-hamba-Nya saling menolong dalam melakukan dosa (*ithm*) (Ibnu Katsir 2006).

Dalam hadith Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* (Jamaal al-Din 1999) juga ada dinyatakan bahawa:

“Daripada Abu Saeed al-Khudri r.a.; beliau berkata: Saya mendengar Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: Siapa pun di antara kamu yang melihat kejahatan hendaklah mengubahnya kejahatannya dengan tangan (kuasa). Sekiranya dia tidak dapat melakukannya, maka (dia mesti mengubahnya) dengan lidahnya. Dan jika dia tidak dapat melakukannya, maka (dia mesti mengubahnya) dengan hatinya. Dan itu adalah selemah-lemah iman.” (Hadith riwayat Muslim)

Kecerdasan spiritual dalam Islam didasarkan pada domain kecerdasan rohani iaitu *al-ruh*, *al-nafs*, *al-qalb*, *al-'aql*, iman, akhlak dan ibadah. Kesemua domain tersebut perlu dikembangkan dan digunakan secara harfiah untuk membina komuniti kecerdasan rohani dalam Islam (Elmi & Zainab 2015).

Seterusnya, perkembangan ilmu dalam Islam adalah bertunjangkan kepada lima (5) perkara seperti yang berikut (Abul Hasan M Sadeq 2006):

1. watak yang komprehensif, termasuk aspek moral, spiritual dan material dalam kehidupan manusia;

2. pengembangan manusia dan persekitaran fizikal dan sosio-budaya;
3. keseimbangan antara faktor dan daya;
4. sejumlah perubahan, kuantitatif dan juga kualitatif, dengan penekanan terhadap perubahan kualitatif; dan
5. pemanfaatan sumber daya secara optimum dan pemanfaatan dan pengagihannya secara adil berdasarkan hak dan keadilan.

Oleh hal yang demikian, Islam amat mementingkan pembentukan manusia yang berteraskan sifat-sifat insaniah yang baik agar ilmu pengetahuan yang disampaikan serta diperoleh tersebut akan dapat dimanfaatkan dan memberikan impak yang terbaik kepada manusia sejagat secara maksimum. Akal yang diselubungi dengan elemen-elemen yang tidak baik hanya akan mengakibatkan lahirnya generasi yang akan melakukan kerosakan di muka bumi ini. Perkara ini telah disebutkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah ar-Rum, ayat 41 dan Surah as-Syura, ayat 30, yang bermaksud:

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.”

## SKOP DAN KONSEP FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2019) menggariskan bahawa:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang telah diadun pada tahun 1996 bagi

menentukan hala tuju, sumber inspirasi dan asas kepada semua rancangan dan usaha dalam mempertingkatkan kualiti bidang pendidikan di Malaysia secara holistik (Saharia 2015). Secara dasarnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan memfokuskan beberapa perkara penting, iaitu (Sapie Sabilan et al. 2018):

1. Usaha yang berterusan dalam membangunkan serta mempertingkatkan bidang pendidikan;
2. Memperkembang potensi diri setiap individu dari sudut intelektual, kerohanian, emosi dan jasmani;
3. Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu;
4. Insan yang seimbang dan harmonis;
5. Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan;
6. Rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan;
7. Rakyat Malaysia yang berketrampilan;
8. Rakyat Malaysia yang berakhlak mulia;
9. Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab;
10. Rakyat Malaysia yang berkeupayaan menikmati kesejahteraan diri; dan
11. Rakyat Malaysia yang memberi sumbangan.

Agenda yang hendak diketengahkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan tersebut adalah untuk mempertingkatkan potensi diri dan mengubah seseorang individu itu ke satu peringkat yang lebih baik daripada sebelumnya (Saharia 2015). Fokus yang penting telah dibentangkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu prinsip realiti, ilmu dan nilai (Mok Soon Sang 2009).

Dengan kata lain, konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini merupakan satu konsep yang bersifat praktikal kerana tanpa ketiga-tiga elemen tersebut adalah amat sukar untuk mencapai satu tahap pemikiran yang boleh menjurus ke arah keterbukaan dan kritis dalam menyuarakan pendapat-pendapat serta idea-idea yang boleh diketengahkan untuk pembangunan sesebuah negara. Hal ini bermaksud membentuk insan yang boleh serta mampu untuk berjaya mengatasi cabaran, masalah dan kesulitan yang dihadapi pada masa hadapan merupakan antara aspek yang perlu dititikberatkan kerana keadaan semasa yang lebih terbuka dari sudut maklumat dan daya saing di peringkat nasional dan global (Effendi Ewan et al. 2017).

Ruang lingkup Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini bukan sahaja melihat kepada pembentukan modal insan yang bersifat material, tetapi juga memberikan penekanan yang kukuh pada pembentukan akhlak dan jati diri modal insan yang bakal “dilahirkan”

dari institusi-institusi pengajian tinggi negara. Gejala-gejala negatif dalam kalangan anak muda menjadi topik utama penumpuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini dengan menggariskan gabungan pendidikan antara agama dengan material bagi memastikan modal insan yang dilahirkan pada masa yang akan datang mampu mencorakkan ketamadunan negara berlandaskan asas-asas yang mampan dan berdaya saing di peringkat antarabangsa (Syed Othman & Hasnan Hakim 2001).

Secara amnya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan satu garis panduan yang holistik dalam membentuk dan melahirkan modal insan yang bersepadu dari segenap sudut: intelektual, jasmani, rohani, emosi dan jasmani insaniah. Gabungan elemen-elemen tersebut, sekiranya disepadukan mengikut garis panduan Falsafah Pendidikan Kebangsaan secara telus, maka akan dapat memacu perkembangan minda, jasmani dan rohani modal insan yang kukuh dan ampuh dalam mendepani arus cabaran globalisasi.

Berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini, dapat difahami bahawa matlamat utama pendidikan di Malaysia adalah untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga bermatlamat untuk melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berupaya mencapai kesejahteraan dan memberi sumbangan untuk keharmonian dan kemakmuran negara (Mok Soon Sang 2012).

Oleh hal yang demikian, bagi menjayakan hasrat murni kerajaan ini, satu bentuk sistem pendidikan yang berteraskan keterbukaan, telus serta menghargai idea-idea dan pendapat-pendapat yang boleh memberikan impak yang baik terhadap pembangunan negara hendaklah ditekankan dan digarap dengan sempurna dalam pelaksanaannya. Maka asas kepada sistem pendidikan ini adalah dengan memberikan hak dan kebebasan akademik kepada mereka yang berperanan aktif dalam bidang pendidikan secara khususnya, kerana individu yang dianggap sebagai “pemain utama” dalam menjayakan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar ia selari dengan matlamat penggubalannya. Kebebasan ini hendaklah juga selari dengan perundangan negara dalam menjaga keharmonian dan kesepaduan antara rakyat.



Sehubungan dengan perkara tersebut juga, “ilmu atau pengetahuan”, yang bakal disampaikan haruslah berlandaskan kesepaduan antara kehendak masyarakat dan agama, agar ia tidak menyimpang daripada matlamat utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan; iaitu bagi mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Keadaan ini juga selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan, antara lain, agama sebagai asas dalam menentukan hala tuju sesuatu perkara sebagaimana yang tercatat dalam Perkara-perkara 3 dan 11 Perlembagaan Persekutuan itu sendiri.

#### PEMAKAIAN MAQASID AS-SYARIAH (HIFZ AL-'AQL) DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Penggabungan antara *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah satu aspek yang amat penting bagi melahirkan modal insan yang mempunyai prinsip dan pegangan agama (sebagaimana yang telah digariskan dalam Rukun Negara: Kepercayaan kepada Tuhan), nilai-nilai murni serta berkemahiran dalam bidang masing-masing (Saharia 2015). Ketidakseimbangan gabungan tersebut akan mengakibatkan insan yang tidak prihatin tentang masyarakat dan negara (Tajul Arifin Noordin 1993), dan seterusnya menjadi penyumbang ke arah modal insan yang tidak bersifat proaktif.

Kepentingan akal dalam memperkembang potensi diri seseorang insan merupakan wadah utama yang perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui sistem pendidikan yang mempunyai asas yang teguh ke arah menjadikan pendidikan sebagai aset penting dalam memajukan negara. Oleh itu, jalinan antara *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan satu jalinan yang amat penting bagi melahirkan insan yang bersifat *ahsanu al-taqwim*, sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Quran, Surah at-Tin, ayat 4, yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).”

Secara umumnya, perkembangan pembangunan modal insan yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini sememangnya

menunjukkan satu penghasilan ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti dari semua sudut: duniawi dan *ukhrawi* (Saharia 2015). Maka, sudah tentulah *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dapat memainkan peranan yang penting bagi memantapkan lagi kerangka Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sedia ada.

Secara amnya, *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* menjurus ke arah keadilan bagi semua pihak terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Dengan mengaplikasikan konsep *haqq al-'ilm* dengan memberikan ruang dan peluang yang luas kepada mereka yang menjadi “pemain utama” dalam hal yang berkaitan dengan pendidikan, menghormati kebebasan berfikir dan menyuarakan pendapat yang terhasil daripada kajian-kajian yang dijalankan, maka potensi akal itu akan dapat diperkembang secara yang lebih konstruktif (Mohamed El-Tahir 2018). Hal ini merupakan antara kunci yang menjadi faktor kebangkitan sesebuah negara dalam mendepani cabaran global yang menjadi tanda aras kemajuan sesebuah negara tersebut.

Pemakaian konsep *sad al-zarai'* yang menjadi rujukan dalam prinsip-prinsip perundangan Islam dapat diterima pakai agar dapat menghalang apa-apa keburukan yang mungkin timbul akibat daripada kelemahan-kelemahan semasa proses pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijalankan (Hassan Ahmad & Mohd Salleh 2002). Imam as-Syatibi berpendapat bahawa konsep *sad al-zarai'* ini ialah pengaplikasian penggunaan kebaikan (*maslahah*) sebagai salah satu cara yang efektif bagi menghalang kejahatan atau keburukan (*mafsadah*) yang bakal terjadi (Wan Zulkifli et al. 2008). Hal ini adalah antara perkara yang menjadi keluasan kepada pemakaian *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dalam penetapan atau pemakaian apa-apa hukum atau konsep yang termaktub dalam prinsip-prinsip Islam dicerakinkan secara teliti dan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat kesuluruhannya tanpa mengetepikan prinsip-prinsip Islam itu sendiri.

Konsep kesepaduan dalam semua aspek kurikulum yang meliputi seluruh proses pembelajaran; dari mula proses kurikulum itu dirancang hinggalah proses pengaplikasiannya, perlu kepada penggabungan nilai-nilai murni dan kesepaduan dalam menangani permasalahan dan cabaran yang timbul pada masa hadapan (Rosnani 2001; Tajul & Nor'aini 2002). Dengan mewujudkan konsep kesepaduan inilah, terbukanya ruang

jalinan atau pengharmonian antara *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melakar dimensi baharu dalam penambahbaikan sistem pendidikan yang sedia ada.

Pembinaan kurikulum ialah satu proses yang berterusan (tidak statik) bagi memenuhi kehendak sistem pendidikan dalam memacu perubahan dan kehendak semasa (Haris Md. Jadi 1991/92). Proses yang cukup penting hendaklah digabungkan dengan nilai-nilai murni secara praktikal bagi memastikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu dapat dicapai secara maksimum.

### KESIMPULAN

*Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan dua elemen utama yang boleh digabungkan secara komprehensif bagi meningkatkan lagi kualiti modal insan yang bakal dilahirkan di negara ini. Dengan mengaplikasikan kedua-dua konsep ini, satu generasi yang mempunyai pemikiran yang kritis, terbuka dan mantap dapat dilahirkan untuk membantu bagi mencapai status negara maju serta menjadi pusat perkembangan ilmu yang pesat pada masa yang akan datang.

Matlamat-matlamat yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sekali gus akan menjadi satu aspirasi dalam menentukan hala tuju pendidikan negara yang lebih bersifat berdaya saing di peringkat nasional dan global. Ilmu pengetahuan merupakan asas penting dalam melahirkan manusia yang bertamadun (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2019). Modal insan yang dilahirkan daripada pendidikan yang holistik akan menjadi pemacu ke arah perkembangan pembangunan negara yang lebih menyeluruh.

Satu mekanisme pengharmonian antara kedua-dua konsep ini perlu dilaksanakan bagi melihat dan meneliti tahap keberhasilan dan kualiti modal insan yang dibentuk melalui satu sistem pendidikan yang holistik dan bersepadu. Kedua-dua konsep tersebut [*Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan] menjurus ke arah matlamat yang sama, iaitu untuk melahirkan, membentuk dan mendidik modal insan secara seimbang, holistik dan bersepadu. Oleh hal yang demikian, amat sesuai lah kedua-dua konsep tersebut digabungkan dan diharmonikan bagi mengadun serta mewujudkan satu bentuk sistem pendidikan yang lebih baik dan berdaya saing ke arah mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu sendiri.

Konsep *Hifz al-'Aql* hendaklah dijadikan asas penting dalam membentuk modal insan yang holistik. Modal insan yang dibentuk tersebut bukanlah hanya berteraskan pemerolehan sijil akademik semata-mata, tetapi hendaklah juga menerapkan pembinaan akhlak secara yang lebih komprehensif. Modal insan yang dibentuk tanpa diadun dengan akhlak yang baik akan hanya melahirkan generasi “robot” yang tidak mempunyai nilai-nilai insaniah yang murni.

Kerangka dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang unik dan bersepadu ini akan menjadi lebih kukuh lagi apabila wujudnya gabungan antara *Maqasid as-Syariah (Hifz al-'Aql)* dengan pengaplikasian nilai-nilai murni yang terdapat dalam kedua-dua konsep tersebut seperti konsep keagamaan, kepentingan akal dan bermatlamat untuk melahirkan modal insan yang mampu merealisasikan aspirasi pendidikan itu sendiri, iaitu masyarakat yang berketrampilan dan berilmu pengetahuan. Hal ini dapat memperkukuh lagi konsep Rukun Negara yang menjadi aspirasi negara selama ini.

Pendidikan merupakan perkara pokok yang perlu diberikan penumpuan dan perhatian yang sewajarnya dalam melestarikan sesebuah masyarakat. Oleh hal yang demikian, perlu diwujudkan satu jawatankuasa khas yang meneliti dan memberikan cadangan serta merancang langkah-langkah penambahbaikan yang difikirkan dalam sistem pendidikan di Malaysia agar Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat diaplikasikan secara yang lebih menyeluruh.

Pemikiran yang kritis dan produktif hanya boleh dicapai sekiranya satu platform yang sesuai disediakan kepada ahli akademik dan pelajar dalam usaha untuk menyempurnakan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersepadu. Apabila mereka mempunyai ruang yang lebih baik untuk memperkembangkan potensi penyampaian idea-idea, pendapat-pendapat serta penemuan-penemuan baharu mereka, maka, peranan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat dioptimumkan secara yang lebih efektif dalam “menerobos tembok atau kekangan pemikiran yang terhad” selama ini.

Dalam hal yang sama juga, konsep dan nilai kebebasan akademik hendaklah diberikan kepada institusi pendidikan tinggi dalam menyediakan kemudahan, suasana dan persekitaran yang diperlukan untuk kedua-dua; ahli akademik dan pelajar, untuk menjalankan dan menikmati keadaan ini tanpa gangguan yang tidak wajar. Jika dilihat dari tahap institusi, kebebasan akademik meliputi

satu keadaan yang amat luas, termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan autonomi, penentuan diri dan tadbir urus sendiri yang disertai dengan akauntabiliti. Apabila wujudnya kebebasan akademik, maka dengan secara langsung juga akan konsep *Hifz al-'Aql* dalam pendidikan akan dapat dilestarikan secara yang lebih baik.

Seterusnya, peranan penting yang dimainkan oleh institusi pendidikan hendaklah diperkasakan agar modal insan yang bakal dilahirkan tersebut akan lebih berdaya saing, berketrampilan serta mampu menghadapi sebarang cabaran pada masa yang akan datang. Ini merupakan matlamat penting Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang perlu “dilonjokkan dan ditonjolkan” bagi memenuhi kriteria modal insan yang holistik. Kesepaduan antara konsep *Hifz al-Aql* dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan secara langsung menjadi pemangkin dalam mencapai matlamat yang murni ini.

#### PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD) (Undang-Undang) di bawah tajuk “Kebebasan Ahli Akademik Menurut Undang-undang di Malaysia Dalam Melestarikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.”

#### RUJUKAN

- Al-Quran al-Kareem (kesemua terjemahan / maksud yang dipetik dalam artikel ini adalah diambil daripada <https://legacy.quran.com/>).
- Abdul Salam, Al-Izz. Tiada tarikh. *Qawa'id al-Ahkam* (Islamic Legal Maxim). Vol. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2005. *Al-Ghazali: Ihya' 'Ulum al-Din*. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad, Qairo: Dar al-Bayan al'Arabi.
- Abu Hammid al-Ghazzali. 1870. *Al-Mustasfa min 'Ilm al-'Usul*. Vol. 1. Baghdad: Matba'at Muthanna.
- Abul Hasan M Sadeq. 2006. *Development Issues in Islam*. Gombak: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Adibah Abdul Rahim & Anita Abdul Rahim. 2014. A study on Muhammad Iqbal's framework of *ijtihad*. *Islamiyyat* 36(2): 5 – 13.
- Adlina Abdul Khalil, Mohamad Khairi Hj. Othman & Mohd. Kasri Saidon. 2020. Memacu pendidikan di era Revolusi Industri 4.0: Penerapan nilai-nilai Islam dan inovasi dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi. *Islamiyyat* 42(Isu Khas): 13 – 20.
- Afzalur Rahman. 2002. *Ensiklopedia Sirah: Kebebasan, Kesamaan Ilmu dan Akal* (Jilid VI), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Alusi, al-Syihab al-Din al-Sayyid Muhammad. 1994. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa Sab'a al-Mathani* (Jilid 7, 8, 11, 15 & 21). Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Obeidi, Hammadi. 1992. *al-Shatibi wa Maqa asid al-Syariah* (al-Shatibi and Maqasid al- Shari'ah). Tripoli: Mansyurat Kulliyyah ad-Da'wa al-Islamiyyah.
- As-Sa'di, Abdur-Rahman Nasir. 2018. *Tafseer as-Sa'di*. Riyadh: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Awang, Y., Mat, C. and Bakar, C., 2004. Keperluan kependidikan Islam dalam pengajian ketamadunan. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*, 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. [http:// http://repo.uum.edu.my/1883/](http://http://repo.uum.edu.my/1883/) [16 April 2019].
- Elmi Bin Baharuddina & Zainab Binti Ismail. 2015. 7 Domains of Spiritual Intelligence from Islamic Perspective. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 211: 568 – 577.
- Fuad Mukarram Munawwar Ali. 2006. *Towards an Easily Accessible Framework for the Ummah's Advancement: Maqsid Based Development*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Haris Md. Jadi. 1991/92. Reformasi Kurikulum di Malaysia: Satu Pandangan Ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Perlaksanaannya. *Pendidik dan Pendidikan, Jld. 11, 1991/92*. [http:// apjee.usm.my/JPP\\_11\\_1991/Jilid%2011%20 Artikel%2001.pdf](http://apjee.usm.my/JPP_11_1991/Jilid%2011%20Artikel%2001.pdf) [15 Mei 2019].
- Hassan Ahmad & Mohd Salleh Ahmad. 2002. *Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur. Pustaka Hj Abd. Majid.
- Hidayat, Kamaruddin. 2000. Resiko Sebuah Pilihan, dalam Nurcholish Madjid (et al.), *Kehampaan Spiritual Masyarakat Modern*. Cet. 1. Jakarta: Penerbit Mediacita. <http://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/lubb/article/download/753/548> [15 Mei 2019].
- Ibnu Ashur, Muhammad al-Tahir. 2006. *Treatise on Maqasid al-Shariah* (trans). London & Washington: The International Institute of Islamic Thought.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2019. Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah Dalam Tabir Urus. <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah> [15 Mei 2019].
- Jamaal al-Din M. Zarabozo. 1999. *Commentary on the Forty Hadith of al-Nawawi* (Vol. 2), Denver, USA: Al-Basheer Company for Publications and Translations.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. Falsafah Pendidikan Kebangsaan. <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan> [17 April 2019].
- KH. M. Syafi'i Hadzami. 2010. *Penjelasan Dalil-dalil Tentang Ushul dan Akhlak Dalam Islam*. Jakarta: Penerbit PT Elex Media Komputindo.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). 2019. Maqasid Syariah. <http://www.mais.gov.my/info-mais/informasi/penerbitan/maksud-maqasid-syariah> [15 Mei 2019].

- Maszlee Malik. 2015. Maqasid Syariah in a Constitutional Democracy. *Penang Institute-G25 Forum, 31 October 2015, Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia*. [https://penanginstitute.org/wp-content/uploads/jml/files/research\\_papers/DrMaszleeMalik\\_Maqasid%20Syariah.pdf](https://penanginstitute.org/wp-content/uploads/jml/files/research_papers/DrMaszleeMalik_Maqasid%20Syariah.pdf) [15 April 2019].
- Mohamed El-Tahir El-Mesawi. 2018. *Maqasid Al-Syariah: Explorations and Implications*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Mohd Effendi Ewan Mohd Matore et al. 2017. Penguatan Kecerdasan Menghadapi Cabaran (AQ) Dalam Aliran Falsafah Pendidikan Kebangsaan Di Malaysia. *Proceeding of International Conference On Global Education V (ICGE V), Padang, Indonesia (10 – 11 April 2017), "Global Education, Common Wealth and Cultural Adversity"*. ISBN: 978-602-70525-4-4; h 968-978.
- Mok Soon Sang. 2009. *Pengurusan Kurikulum*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. 2012. *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia.
- Muhammad Adil Khan Afridi. 2016. Maqasid Al-Shari'ah and Preservation of Basic Rights Under the Theme Islam and Its Perspectives on Global & Local Contemporary Challenges. *Journal of Education and Social Sciences*. Vol. 4, (June.) ISSN 2289-9855 2016. [https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2016/06/KC4\\_143-1.pdf](https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2016/06/KC4_143-1.pdf) [1 Jun 2019].
- Muhammad Atiullah Othman & Indriaty Ismail. 2016. Pengetahuan Sebagai Elemen Tanggungjawab Manusia Menurut Perspektif Islam. *Islamiyyat* 38(1): 65 – 70.
- Najati, Muhammad 'Uthman. 1992. *Al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs* (Cetakan ke-5). Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Noorumaina Mohamed Yunus. 2015. USIM Tuan Rumah SUKNES@U 2015. <https://www.usim.edu.my/news/usim-tuan-rumah-suknesu-2015-2/> [16 Mei 2019].
- Robiatul Adawiyah Mohd, Iqra' Bukan Sekadar Perintah Membaca (30 Jun 2020), <https://www.pendidik.com.my/2018/02/02/iqra-bukan-sekadar-perintah-membaca/> [30 Jun 2020].
- Rosnani Hashim. 2001. Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 9, Bil. 4. <http://journal.utm.edu.my/index.php/jhcd/article/view/2087/1247> [30 Mei 2019].
- Sa'id Hawwa. 1979. *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Arabiah.
- Saharia Hj. Ismail. 2015. Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 8, No. 2, July-December 2015. ISSN: 1985-7012. <http://journal.utm.edu.my/index.php/jhcd/article/download/2087/1247> [15 Mei 2019].
- Sapie Sabilan et al. 2018. Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International Conference on Moslem Society 2016*, di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, Selangor D.E.
- Sheikh Ahmad Fahmi Zamzam. 2013. *40 Hadith Peristiwa Akhir Zaman*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Syed Othman Al-Habshi & Hasnan Hakim. 2001. Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan. *Kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Pendidikan Melayu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 1-2 September 2001*.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi, Selangor: As-Syabab Media.
- Tajul Arifin Noordin. 1993. *Perspektif Falsafah dan Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Zulkifli et al. 2008. Pemikiran Imam Al-Syafi'i Mengenai Sadd Al-Dhara'i' Sebagai Sumber Hukum. *Jurnal Fiqh*, No. 5 (2008). [http://repository.um.edu.my/722/1/Pemikiran\\_Imam\\_syafi%60i\\_Mengenai\\_Sadd%20al-Dharai%60i.pdf](http://repository.um.edu.my/722/1/Pemikiran_Imam_syafi%60i_Mengenai_Sadd%20al-Dharai%60i.pdf) [15 Mei 2019].
- Yusuf Dalhat. September 2015. The Concept of al-Aql (Reason) in Islam. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 5, No. 9(1). [http://www.ijhssnet.com/journals/Vol\\_5\\_No\\_9\\_1\\_September\\_2015/8.pdf](http://www.ijhssnet.com/journals/Vol_5_No_9_1_September_2015/8.pdf) [29 Mei 2019].
- Zainorah Kadri. 2015. *Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Surah Al-Rum*. Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

#### PENGARANG

Hasbollah Mat Saad  
Fakulti Undang-undang  
Universiti Multimedia (MMU),  
Jalan Ayer Keroh Lama,  
75450 Bukit Beruang, Melaka  
[hasbollah.saad@mmu.edu.my](mailto:hasbollah.saad@mmu.edu.my)

Ramalinggam Rajamanickam  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
[rama@ukm.edu.my](mailto:rama@ukm.edu.my)